

Pencipta WiraBar meninggal dunia akibat sakit jantung

Kuala Lumpur: Pencipta makanan pemberi tenaga, WiraBar, Prof Madya Dr Nazaruddin Ramli (*gambar*), 46, yang juga pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) meninggal dunia akibat serangan jantung, semalam.

Difahamkan, Allahyarham sebelum itu mengadu tidak sihat dan meninggal dunia ketika hendak mendapatkan rawatan di sebuah poliklinik di Bandar Baru Bangi kira-kira jam 9 pagi.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di FELDA Bukit Jalor, Gemencheh, Negeri Sembilan kira-kira jam 4 petang hari sama.

Menurut sumber, arwah yang kehilangan isterinya Februari lalu meninggalkan lima anak berusia antara 11 hingga 21 tahun yang kini di bawah jagaan ibu saudara mereka.

Dr Nazaruddin adalah Ketua Pusat Inovasi bagi Teknologi Manisan (MANIS), Fakulti Sains dan Teknologi UKM menghasilkan WiraBar yang akan dipasarkan sebagai kepingan coklat, gel dan minuman selepas menjalankan kajian selama dua tahun.

Allahyarham juga menja-



lankan suatu lagi penyelidikan untuk menghasilkan bahan manisan berasaskan rumpai laut yang boleh digunakan untuk membuat mi, roti, minuman dan bahan makanan lain.

Dr Nazaruddin berkelulusan Sarjana Muda Sains Makanan dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1991 serta Sarjana Sains Makanan dan Nutrisi UKM pada 1998.

Pada tahun sama, beliau menerima Diploma Coklat dan Teknologi Manisan dan Kek daripada Central College of the German Confectionery di Sollingen, Jerman.